



14 September 2021
14 September 2021
P.U. (A) 366

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2021

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 3) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 3) 2021.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 September 2021.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—
 - (a) Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam yang diterbitkan oleh DanaInfra Nasional Berhad menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam yang disebut “Program IMTN dan ICP” dalam Perintah ini;
 - (b) Kemudahan Pusingan Kredit Bersindiket yang diperoleh oleh DanaInfra Nasional Berhad yang disebut “Kemudahan RC-i” dalam Perintah ini; dan
 - (c) jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Program IMTN dan ICP dan Kemudahan RC-i:

Dengan syarat bahawa agregat digabungkan nilai nominal belum berbayar Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam yang diterbitkan menurut Program IMTN dan ICP dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Kemudahan RC-i tidak boleh melebihi tujuh bilion enam ratus juta ringgit (RM7,600,000,000.00).